



TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI ROHANI ABDUL KARIM

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,

KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA

HARI WANITA KEBANGSAAN

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA PUTRAJAYA

24 OGOS 2015

[SALUTASI]

Hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

MUKADIMAH

1. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kita dapat berhimpun pada hari yang indah ini untuk bersama-sama meraikan Hari Wanita Kebangsaan 2015.

2. Di kesempatan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak di atas kesudian untuk bersama-sama kita merasmikan sambutan Hari Wanita Kebangsaan pada tahun ini. Terima kasih YAB Dato' Sri *and I cannot tell you how much I appreciate your support* YAB Dato' Sri.

3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Agensi-agensi Kerajaan, aktivis wanita, kumpulan-kumpulan NGO dan rakan strategik Kementerian kerana sentiasa menyokong usaha-usaha serta program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) semenjak dari mula

Kementerian ditubuhkan sehingga Kementerian berpindah ke Bangunan yang Tersergam Indah.

4. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada hadirin sekalian yang sudi melapangkan masa bagi menghadiri diri untuk merayakan majlis sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2015 pada hari ini. Selamat datang diucapkan dan sokongan para hadirin pada hari ini amat kami sanjung tinggi.

“RAIKAN KEGEMILANGAN”

5. Hari Wanita Kebangsaan disambut setiap tahun sebagai platform bagi memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada golongan wanita terhadap sumbangan mereka kepada pembangunan negara di samping sebagai perangsang kepada kaum wanita untuk terus bergiat aktif ke arah pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

6. Bertemakan “Raikan Kegemilangan”, antara objektif sambutan Hari Wanita peringkat kebangsaan juga adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan penting yang dimainkan oleh

kaum wanita dalam pembentukan keluarga, perpaduan dan pembangunan masyarakat dan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Pada pagi ini, kita telah bersama-sama dapat mengikuti forum bicara wanita yang bertemakan **“Wanita Gemilang Penjana Peradaban Cemerlang”**. Alhamdulillah kita telah mendengar perkongsian yang amat bermanfaat yang harus kita jadikan panduan dan tauladan dalam usaha untuk meniti tangga kejayaan dan seterusnya menggapai kegemilangan di masa hadapan.

8. Sambutan Hari Wanita juga diserikan selain pameran-pameran daripada rakan strategik Kementerian, usahawan wanita yang menawarkan pelbagai informasi di samping jualan menarik, dan tumpuan utama pastinya kepada *time tunnel*. Time tunnel ini melakarkan keunggulan sejarah wanita di Malaysia serta sejarah penubuhan Kementerian. *Time tunnel* berkenaan juga memaparkan wanita-wanita utama yang dilihat sebagai *leaders* dan *pioneers* di dalam bidang masing-masing. Ini memberikan semua peluang untuk mengenali wanita-wanita hebat ini dengan lebih mendalam dan berharap semua

yang hadir pada hari ini mendapat inspirasi dan semangat untuk menjadi wanita hebat di bidang masing-masing.

PERLANTIKAN AHLI MAJLIS PENASIHAT DAN PERUNDANGAN WANITA (MPPW) & KURSI KEPIMPINAN WANITA

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Sebentar lagi, kita akan menjadi saksi kepada pelantikan ahli-ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita (MPPW). MPPW ini akan memainkan peranan sebagai sebuah badan pemikir, pemantau dan penilai kepada kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan dasar serta program-program kerajaan.

10. Dengan tertubuhnya Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita ini, adalah besar harapan Kementerian agar ia menjadi satu platform untuk mengintegrasikan perspektif wanita dalam pelbagai aspek. Saya juga ingin katakan di sini, saya amat teruja untuk mewujudkan satu pengkalan data utama yang khusus dalam mengumpul segala maklumat, data dan sejarah wanita di Malaysia. Saya yakin Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mampu menjadi hub info untuk semua.

11. Kursi Kepimpinan Wanita kini ke arah memasuki fasa kedua pelaksanaannya. Sebagai memberi lebih impak kepada penubuhan Kursi Kepimpinan Wanita ini, Penyandang bagi Kursi Kepimpinan Wanita di fasa kedua ini juga akan dapat kita saksikan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan saya pagi ini, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada hadirin sekalian yang sudi hadir bagi memeriahkan majlis sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2015 ini. Semoga sokongan dan komitmen hadirin sekalian dalam memastikan usaha-usaha memartabatkan golongan wanita ini sentiasa berterusan. Terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.